

PERANCANGAN OPERASI DAN SERBUAN

DSP NOOR AZLAN MOHD NOOR
MPDRM KKB



SERBUAN DEFINISI

- **Satu serangan mengejut yang sah di segi perundangan keatas sebuah bangunan atau sesuatu kawasan tertentu**

DEFINISI OPERASI

DEFINISI

- **OPERASI:** Suatu tindakan undang-undang terhadap ahli sindiket yang terlibat dalam sesuatu kesalahan dengan menggunakan teknik perancangan dan serbuan yang betul serta sistematik

MENANGKAP SASPEK ATAU ORANG YANG DIKEHENDAKI

MESTI MEGETAHUI LATAR BELAKANG SASEK MELALUI APA JUA SUMBER

- **Mendapatkan barang-barang kes (exhibit)**
- **Mengetahui apakah benda/barang hendak dirampas. bentuk/rupa barang tersebut, dimana tersimpan supaya perancangan boleh dibuat dengan teliti, perlu jua diketahui barang tersebut senang dibuang atau dimusnahkan.**
- **Perlu diketahui mungkin orang yang menyimpan barang tersebut bersangkutan dengan dadah atau kegiatan senjatapi.**

PERANCANGAN

- **PERANCANGAN AWAL**
- **PERANCANGAN KHUSUS**
- **PERANCANGAN ALTERNATIF**

OBEJEKTIF

- **Objektif serbuan mestilah diterangkan dengan jelas dan difahami oleh semua pegawai yang mengambil bahagian.**

KEPERLUAN ASAS

- Perlu mengetahui tujuan/sabjek dengan mendalam.
- Pengintipan / pengawasan (so).
- Perancangan
- Persediaan /persiapan
- Arahan –arahan tertentu
- Pelancaran

PERALATAN

- **Gari**
- **Gergaji besi**
- **Cutter**
- **Pengumpul**
- **Lampu suluh**
- **Tali**
- **Kapak**
- **Tangga**
- **Pelindung peluru**
- **Borang bongkar**
- **Lain-lain keperluan**

KUASA

- **Per 22 (3) Peraturan Peraturan Pendaftaran Negara 1990 – Penangkapan Pengeledahan/Pemereksaan**
- **Perlu melihat akan undang-undang yang memberikan kuasa untuk melaksanakan penugasan tersebut**
- **Perintah atau arahan bertulis berkaitan penugasan tersebut seperti perintah gerakan**

PENINJAUAN

- **BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN RANCANGAN OPERASI ADALAH PERLU PENINJAUAN SESUATU TEMPAT ATAU PREMIS ITU DIJALANKAN , UNTUK MENENTUKAN:-**
- **Jalan keluar / masuk**
- Keadaan bangunan perpagar / tidak
- Keadaan pintu / tingkap (buka kedalam atau keluar)
- Adakah pintu atau jalan keluar / masuk lain kebangunan sebelah.
- Keadaan dalam bangunan (berapa bilik dll)
- Gangguan binatang (Anjing atau lain – lain)
- Adakah pengawal atau sistem amaran / cctv
- Peta atau gambar rajah
- Jumlah penghuni dibangunan tersebut
- Jumlah saspek / subjek yang hendak ditangkap
- Bersenjatapi atau lain-lain senjata

PERANCANGAN

- **MENGGUNAKAN PENDEKATAN 5 S**
- **Simple**
- **Speed**
- **Surprise**
- **Superiority**
- **Security**

SIMPLE

- **Perancangan operasi “ SIMPLE” sahaja. Perancangan yang “ COMPLECATED ” hendaklah dielakan dan hanya akan menambah risiko kesilapan dan kegagalan.**

KECEPATAN – (SPEED)

- Semua pegawai yg terlibat hendaklah bergerak ke tempat masing-masing tanpa menarik perhatian sesiapa dan menjalankan peranan dengan cepat dan penuh yakin. Halangan – halangan yang dihadapi hendaklah dihadapi dengan perancangan yang betul dan peralatan yang lengkap.

MENGEJUT –(SURPRISE)

- Tindakan mengejutkan dengan tiba-tiba adalah penting bagi sesuatu serbuan.(menutup pintu kereta dengan kuat,bercakap-cakap dan membuat bising dielakan).
- Dirahsiakan
- Menghampiri bangunan / tempat tanpa disedari
- Subjek tidak dapat lari
- Barang kes tidak sempat dimusnahkan / dibuang

KEUNGGULAN – (SUPERIORITY)

- **Team serbuan hendaklah mempunyai keunggulan mental dan fizikal.**
- **Mestilah melebihi anggaran bilangan saspek.**
- **Bilangan yang mencukupi**
- **Bersiap sedia dengan segala kemungkinan.**

KESELAMATAN –(SECURITY)

- **ADALAH PENTING BAHAWA PERANCANGAN MENITIKBERATKAN LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN YANG MAKSIMA UNTUK :-**
- **Pegawai-pegawai yang mengambil bahagian**
- **Jiran – jiran saspek**
- **Orang – orang lain yang berada dalam premis / kawasan itu**
- **Kematian atau kecederaan pegawai atau anggota yang jalankan serbuan adalah kegagalan walaupun mendapat kejayaan/tangkapan**

REHEARSAL

- **PERANCANGAN OPERASI HENDAKLAH DICUBA (REHEARSAL) PERLAKSANAANNYA ATAS SEBAB - SEBAB BERIKUT :-**
- **Semua pegawai yg terlibat mestilah memahami secara mendalam peranan masing-masing.**
- **Semua pegawai yg terlibat mestilah memahami secara mendalam peranan yang dilakukan oleh semua pegawai yang lain.**
- **Semua tindakan hendaklah ditentukan masanya – koordinasi.**
- **Jarak perjalanan dan masa yg diambil.**

PASUKAN KHAS

- Pasukan khas hendaklah disediakan untuk bertanggungjawab atas :-
- Saspek – saspek
- Pemeriksaan
- Exhibits

PERANCANGAN (ALTERNATIF)

- **PERANCANGAN ALTERNATIF HENDAKLAH DICIPTA, DISEDIAKAN UNTUK KEADAAN / KEJADIAN LUARBIASA DAN PERTUKARAN SITUASI / MASA OPERASI**

AKIBAT TIADA PERANCANGAN

- **Melibatkan kecederaan atau kematian**
- **Menjatuhkan imej jabatan**
- **Akan diperbodohkan oleh peguam semasa soal balas dimahkamah**

ALAT KOMUNIKASI

- **ALAT KOMUNIKASI ADALAH PENTING. NAMUM PENGGUNAANNYA SEMASA OPERASI BERJALAN HENDAKLAH DIHADKAN / GUNAKAN BAHASA ISYARAT (KOD) ATAU ISYARAT TANGAN.**

TEKNIK - TEKNIK

- **Penetapan masa keatas satu- satu serbuan dalam premis bergantung atas keadaan situasi. Serbuan dengan tujuan untuk menangkap saspek-saspek adalah paling baik dijalankan semasa saspek-saspek dalam keadaan tidak bersedia, ini biasanya diawal pagi sebelum mereka bangun.**
- **Kenderaan – kenderaan yang akan digunakan untuk membawa petugas-petugas ke tempat kejadian hendaklah lebih dahulu disimpan dan dijaga jika perlu sebelum bermulanya operasi tersebut.**

- **Adalah penting bahawa tiada pegawai-pegawai yang mengambil bahagian menjalankan tindakan melebihi dari tugas yang telah dirancang atau menukar lokasinya tanpa kebenaran. Ini mungkin menjadikan beliau disalah anggap sebagai saspek – terutamanya pada malam hari**
- **Pegawai-pegawai yang mengambil bahagian didalam operasi itu mestilah mengetahui antara satu sama lain untuk mengelak risiko salah anggap dan kesilapan pengenalan.**

KEADAH PEMERIKSAAN (SEARCH ON PREMIS)

- MENGGUNAKAN KEADAH DARI DALAM
- KELUAR MENGIKUT ANTI – CLOCKWISE.
- KEADAH INI LEBIH PRAKTIKAL DAN PEMERIKSAAN DAPAT DIJALANKAN SECARA SISTEMATIK DAN BERKESAN

KEADAH PEMERIKSAAN

- ANTI-CLOCKWISE (DARI DALAM KELUAR)

PENGHUNI

- Semua penghuni rumah /premis mestilah terlebih dahulu dikumpulkan disatu tempat yang selamat dalam rumah / premis itu.
- Semua mereka mesti dikawal dan diperhati gerak geri.
- Buat pemeriksaan tubuh badan (body- search)

TUAN PUNYA

- TUAN PUNYA RUMAH / PREMIS
HENDAKLAH DIKENAL PASTI

ATAU

KALAU RUMAH SEWA KENALPASTI
PENYEWANYA

PENGHUNI BILIK

- PENGHUNI BILIK DAN BARANG-BARANG KEPUNYAAN MEREKA HENDAKLAH DIKENALPASTI

PEMERIKSAN BILIK

- SETIAP RUANG RUMAH ATAU PREMIS MESTILAH DIPERIKSA MENGIKUT CARA BILIK KE BILIK, DENGAN DIHADIRI OLEH PENGHUNI

PEMERIKSAAN SATU PERSATU

- PEMERIKSAAN BILIK HENDAKLAH DIBUAT DENGAN CARA LEPAS SATU SATU.
- ELAKAN DARI MEMBUAT PEMERIKSAAN SERENTAK, INI UNTK MENJAMIN “KEPEMILIKAN” EXHIBIT DAPAT DIBUKTIKAN

PEMERIKSAAN RUANG TERBUKA

- MESTI DIHADIRI OLEH TUAN PUNYA DAN PENGHUNI-PENGHUNI BILIK

PEMERIKSAAN LUAR RUMAH / PREMIS

- BAHAGIAN LUAR RUMAH / PREMIS MESTILAH JUGA DIPERIKSA SELEPAS PEMERIKSAAN DALAM RUMAH SELESAI DIJALANKAN. PEMERIKSAAN HENDAKLAH DIBUAT BERSAMA TUAN RUMAH

KUMPULAN EXHIBITS

- Pegawai serbuan/ Pegawai penyiasat mesti mengetahui bagaimana mencari dimana dan apakah yg hendak dicari segera ketempat kejadian jika lambat boleh menyebabkan kesan-kesan diubah atau dirosakkan. Kawal tempat kejadian, apa-apa pun tidak dibenarkan diubah dan dipegang sebelum dikenal pasti, diukur dan diambil gambar, pastikan :-

- SIAPA MENJUMPAI
- TEMPAT DIJUMPAI
- RAJAH KASAR
- TANDA- TANDA
- GAMBAR.

PEMERIKSAAN BADAN MANUSIA

- PERIKSA UNTUK BENDA-BENDA BESAR:
- Pemeriksaan badan kepada saspek dibuat jika difikirkan perlu. Ianya bergantung kepada kes yang di siasat
- Arahkan saspek menaikan / mengangkat tangannya setinggi daripada bahu
- Orang yang memeriksa hendaklah menempatkan diri nya dibelakang saspek dng kedudukan berdiri yg mana akan membolehkannya mengawas saspek jika ia cuba melarikan diri atau menggunakan kekerasan
- Dengan menggunakan kedua-dua tangan rasailah badan saspek bermula dari kedua lengan – badan (sebelah menyebeloh dan depan / belakang- hingga kekaki. (poket baju / seluar).
- Perhatian : Dibawah ketiak, diantara kaki kainnya pinggangnya.

MEMERIKSA UNTUK SENJATA- SENJATA MERBAHAYA

- Serupa dengan cara-cara memeriksa diperengan A
- Arahkan saspek menghadapkan muka serta bersendeng kedinding / tembok atau disebelah kereta dengan kedua-dua tangan dan kaki dilunjurkan (terbuka) seluas – luasnya dan kepala tunduk kebawah sehingga ia berada dibawah kedudukan terancam.
- Orang yang memeriksa hendaklah menempatkan dirinya (dng kaki terbuka) disebelah kanan saspek iaitu dengan meletakan kaki kanannya bercangkok kesebelah dalam kaki kanan saspek dan bersedia menendangnya jatuh jika perlu.
- Dengan menggunakan tangan kanannya merasailah cara teliti saspek mulai drp tangan kanannya terus kebawah kepala, leher, ketiak kanan, badan, poket kanan baju / seluar, pinggang, peha kanan dan seterusnya hingga kebawah kaki kanan, setelah selesai sebelah kanan pemeriksa itu hendaklah bergerak kesbelah kiri saspek pula, letakkan kaki kiri nya bercangkok kesebelah dalam kaki kiri saspek dan proses pemeriksaan yang sama hendaklah dijalankan dng. Menggunakan tangan kirinya.

- Tangan yang tidak digunakan hendaklah senantiasa bersedia untuk bertindak jika berlaku apa-apa kecemasan, dan jika ianya bersenjata hendaklah sentiasa dibelakang saspek (pistol jari telunjuk pada trigger tetapi pemukul “hammer” tidak dipasang “corked” jika browning hendaklah dipasang corked tetapi dipasang kunci selamat “safty – catch”
- Seberapa yg boleh dan jika selamat wsaspek hendaklah dibawa kesuatu tempat yg sunyi / selamat supaya tidak menarik perhatian awam dan dikuatiri akan menggagu pemeriksaan disamping memberi peluang yg lebih bagi saspek melarikan diri.
- Pengenalan diri atau sebagainya hendaklah diambil drp nya semasa menjalankan pemeriksaan . Jangan sekali-kali meminta saspek yang mengeluarkannya.

PEMERIKSAAN SEBUAH KERETA

- Aturan: Arahkan pemandu / penumpang keluar dari kereta
- Periksa badan pemandu / penumpang (seperti diterangkan).
- Jauhkan pemandu dan penumpang dari kenderaan semasa pemeriksaan dijalankan.
- Mulai dari hadapan:
- Perlindungan matahari (sun – visor)
- Dashboard dan kocek – koceknnya
- Dibawah tempat duduk pemandu / penumpang hadapan dan diantaranya
- Kocek kedua-dua pintu hadapan (jika ada)
- Dibawah getah pelapik kaki (depan / belakang)
- Tempat duduk belakang (termasuk dibawahnya).
- Ruang-ruang dipintu belakang.
- Tempat menyimpan barang-barang (bonet belakang)

- Tempat yang perlu diberi perhatian:
- Bumper – dihadapan / belakang
- Dibelakang lampu- lampu besar.
- Mudguard – kemungkinan ruang-ruang palsu dibuat.
- Tempat letak kaki semasa menaiki kereta (lori/bas sahaja)
- Tempat-tempat duduk – periksa jahitan-jahitan / sarungnya.
- Kain dibumbong – merasainya.
- Tangki minyak yg palsu – ukur minyaknya.
- Chesis – rangka kereta.
- Tayar-tayar dan penutupnya termasuk tayar simpanan.
- Peti perkakas-perkakas (disimpan dlm kereta atau tempat simpan barang dibelakang
- Tempat- tempat khas yang kita menjangka.

SEARCH LIST

- MESTI DISEDIAKAN SEMASA pemeriksaan dibuat:
- Mencatat semua barang yang dirampas
- Menyerahkan satu salinan kepada ketua / penghuni / mana-mana orang yang hadir semasa pemeriksaan dijalankan.
- **AMBIL TANDA TANGAN.**

- SEKIAN TERIMA KASIH